Takaful

TripCare 360 Takaful

# Kami akan membuat anda tersenyum semasa anda mengembara



Ahli Kumpulan Maybank

eTiQa

## Kembara adalah pulang dengan senyuman, bukan kebimbangan.

Terdapat banyak sebab untuk anda gembira, terutamanya semasa anda mengembara. **TripCare 360 Takaful** akan membuat anda tersenyum dengan tawaran Cepat & Mudah kami:

**Rawatan Perubatan Tanpa Tunai**

Surat Jaminan akan disediakan dengan hanya satu panggilan ke talian hotline 24/7 kami dan anda boleh dimasukkan ke hospital **tanpa sebarang bayaran**.

**Kehilangan Barangan Berharga**

Dapatkan tuntutan sehingga **RM5,000** untuk kehilangan atau kerosakan bagasi anda dan kecurian wang peribadi dan dokumen perjalanan hanya dengan menghantar mesej kepada kami melalui Whatsapp.

**Kelewatan Perjalanan**

Dapatkan bayaran manfaat **RM100** untuk 2 jam kelewatan penerbangan anda hanya dengan menghantar mesej kepada kami melalui Whatsapp.

## Kelayakan

Individu/Dewasa mestilah berumur di antara 18 hingga 70 tahun, warga emas mestilah berumur di antara 71 hingga 80 tahun dan kanak-kanak mestilah berumur sekurang-kurangnya 45 hari dan/atau di bawah 23 tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa.

## Perkhidmatan Bantuan Perjalanan dan Perubatan 24 jam

1. Talian hotline: **03-2161 0270** (Nombor panggilan semula)
2. Beroperasi secara 24/7, perlindungan 365 hari setahun di seluruh dunia.
3. Menyediakan bantuan perjalanan dan perubatan di seluruh dunia dengan lebih daripada 400,000 penyedia perkhidmatan dan mampu bertutur di dalam 40 Bahasa.
4. Bantuan Perjalanan termasuk:
   - Bantuan Kehilangan Bagasi
   - Bantuan Kehilangan Pasport atau Dokumen
   - Penterjemah atau Rujukan Terjemahan
   - Bantuan Maklumat Cuaca
   - Nasihat Pra-perjalanan
   - Jadual Penerbangan, Maklumat dan Tempahan atau Bantuan Penempahan Tiket
5. Bantuan Perubatan termasuk:
   - Rujukan Maklumat Perubatan dan Nasihat 24 jam
   - Tempahan Hotel/Kereta Sewa
   - Pengurusan Kemasukan ke Hospital
   - Perkhidmatan untuk Mengatur Temujanji dengan Doktor Tempatan
   - Pengurusan dan Pembayaran Pendahuluan untuk Lawatan Ihsan
   - Penghantaran ubat-ubatan penting

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut mengenai bantuan perjalanan dan perubatan.

## Pelan dan Manfaat

| **Manfaat** (setiap mana-mana satu kemalangan/kejadian, setiap perjalanan) | **Maksimum Jumlah Dilindungi untuk setiap orang (RM)** | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Domestik** | **Antarabangsa** | | |
| | | **Perak** | **Emas** | **Platinum** |
| **Liabiliti Had Agregat Maksimum ialah** ialah RM5,000,000 bagi setiap satu kemalangan/kejadian. Sekiranya jumlah agregat daripada semua manfaat yang akan dibayar di bawah kontrak ini melebihi had agregat, manfaat yang perlu dibayar kepada orang dilindungi hendaklah dikurangkan mengikut kadar yang akan ditentukan sehingga jumlah semua manfaat tidak melebihi Had Agregat Liabiliti. | | | | |
| **Seksyen A – Kematian atau hilang upaya kekal** | | | | |
| a. Dewasa | 50,000 | 100,000 | 300,000 | 500,000 |
| b. Kanak-kanak | 10,000 | 40,000 | 100,000 | 100,000 |
| c. Warga Emas | 50,000 | 100,000 | 300,000 | 500,000 |
| d. Keluarga* | 150,000 | 300,000 | 900,000 | 1,500,000 |
| **Seksyen B – Perbelanjaan Perubatan** | **Disebabkan oleh kemalangan sahaja** | **Disebabkan oleh kemalangan atau penyakit** | | |
| Perbelanjaan perubatan | 50,000 | 100,000 | 300,000 | 500,000 |
| Maksimum satu keluarga* | 125,000 | 250,000 | 750,000 | 1,500,000 |
| Perbelanjaan rawatan susulan | 5,000 | 5,000 | 10,000 | 30,000 |
| Maksimum satu keluarga* | 12,500 | 12,500 | 25,000 | 75,000 |
| Perbelanjaan rawatan alternatif | Tidak Dilindungi | Tidak Dilindungi | Tidak Dilindungi | 1,000 |
| Maksimum satu keluarga* | | | | 2,500 |
| Penjagaan ihsan | Tidak Dilindungi | 5,000 | | |
| Penjagaan anak dan penghantaran pulang anak | Tidak Dilindungi | 5,000 | | |
| Pendapatan harian hospital / elaun kemasukan ke hospital (maksimum 20 hari) | 150 setiap hari | 150 setiap hari | 250 setiap hari | 350 setiap hari |
| Maksimum satu keluarga* | 7,500 | 7,500 | 12,500 | 17,500 |
| **Seksyen C– Kesulitan Perjalanan** | | | | |
| Pembatalan perjalanan | Tidak Dilindungi | Tidak Dilindungi | 20,000 | 50,000 |
| Maksimum satu keluarga* | | | 50,000 | 125,000 |
| Pemendekan perjalanan | Tidak Dilindungi | Tidak Dilindungi | 20,000 | 50,000 |
| Maksimum satu keluarga* | | | 50,000 | 125,000 |

| **Manfaat** (setiap mana-mana satu kemalangan/kejadian, setiap perjalanan) | **Maksimum Jumlah Dilindungi untuk setiap orang (RM)** | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Domestik** | **Antarabangsa** | | |
| | | **Perak** | **Emas** | **Platinum** |
| Kelewatan perjalanan<br>a. 2 jam pertama<br>b. 6 jam seterusnya<br>Maksimum satu keluarga* | 100<br>-<br>250 | 100<br>250<br>(sehingga 1,000)<br>2,500 | 100<br>250<br>(sehingga 2,000)<br>5,000 | 100<br>250<br>(sehingga 5,000)<br>12,500 |
| Kelewatan bagasi<br>(bagi tempoh 6 jam penuh)<br>Maksimum satu keluarga* | 500<br>1,250 | 500<br>1,250 | 1,000<br>2,500 | 2,000<br>5,000 |
| Kesulitan akibat rampasan<br>(bagi tempoh 24 jam penuh)<br>Maksimum satu keluarga* | Tidak Dilindungi | Tidak Dilindungi | 250<br>(sehingga 500)<br>1,250 | 250<br>(sehingga 1,000)<br>2,500 |
| Terlepas sambungan perjalanan<br>(bagi tempoh 6 jam penuh)<br>Maksimum satu keluarga* | Tidak Dilindungi | 400<br>1,000 | 500<br>1,250 | 600<br>1,500 |
| **Seksyen D – Kerugian atau kerosakan kepada bagasi, barangan peribadi, wang peribadi dan/atau dokumen perjalanan** | | | | |
| Bagasi dan/atau barangan peribadi<br>a. Kehilangan/kerosakan kepada bagasi<br>b. Barangan peribadi<br>c. Barangan elektronik<br>Maksimum satu keluarga* | 1,000<br>(200)<br>(400)<br>(400)<br>2,500 | 1,000<br>(200)<br>(400)<br>(400)<br>2,500 | 3,000<br>(800)<br>(1,200)<br>(1,000)<br>7,500 | 5,000<br>(1,000)<br>(2,000)<br>(2,000)<br>12,500 |
| Wang peribadi<br>Maksimum satu keluarga* | Tidak Dilindungi | Tidak Dilindungi | 500<br>1,250 | 1,000<br>2,500 |
| Dokumen perjalanan<br>Maksimum satu keluarga* | Tidak Dilindungi | Tidak Dilindungi | 1,000<br>2,500 | 1,500<br>3,750 |
| Penjagaan Rumah<br>Maksimum satu keluarga* | 500<br>1,250 | 1,000<br>2,500 | | |
| **Seksyen E – Liabiliti Peribadi**<br>Maksimum satu keluarga* | 200,000<br>500,000 | 200,000<br>500,000 | 1,000,000<br>2,500,000 | 2,000,000<br>4,500,000 |

| **Manfaat** (setiap mana-mana satu kemalangan/kejadian, setiap perjalanan) | **Maksimum Jumlah Dilindungi untuk setiap orang (RM)** | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Domestik** | **Antarabangsa** | | |
| | | **Perak** | **Emas** | **Platinum** |
| **Seksyen F –** (manfaat dibayar dibawah Seksyen A atau B) | **Disebabkan oleh kemalangan sahaja** | **Disebabkan oleh kemalangan atau penyakit** | | |
| Pemindahan perubatan kecemasan | 500,000 | 500,000 | 1,000,000 | 1,500,000 |
| Penghantaran pulang dan pengebumian jenazah | 500,000 | 500,000 | 1,000,000 | 1,500,000 |
| **Seksyen G – Aktiviti Sukan Berbahaya** | | | | |
| Perlindungan kematian atau hilang upaya kekal dan perbelanjaan perubatan sahaja | Tidak Dilindungi | Pilihan | Pilihan | Pilihan |

**Nota:**

1. Maksimum setiap keluarga* merujuk kepada had maksimum dalam "Pelan Keluarga" (2.5 kali jumlah had individu).
2. Sila rujuk Helaian Pendedahan Produk (PDS) atau Sijil Takaful untuk senarai lengkap manfaat dan pengecualian.

## Seksyen G – Perlindungan Tambahan untuk Aktiviti Sukan Berbahaya

Dengan sumbangan tambahan, anda boleh mendapat perlindungan untuk aktiviti – aktiviti berikut sekiranya berlaku kematian, hilang upaya kekal, perbelanjaan perubatan dan perbelanjaan yang lain.

a) Abseiling
b) Terjun bungee
c) Terjun udara
d) Geluncur angin
e) Menaiki helikopter untuk bersiar-siar
f) Belon udara panas
g) Maraton Ultra
h) Sukan air - Jet ski, berdayung, kapal layar, layar - layang (parasailing), luncur air, luncur angin (papan pelayar)
i) Mendaki gunung di bawah ketinggian 3,000 meter di atas aras laut dengan penggunaan tali dan lain-lain peralatan mendaki
j) Memanjat bukit dengan penggunaan tali dan lain-lain kelengkapan memanjat
k) Meluncur salji dengan kebenaran rasmi di kawasan luncur yang diluluskan
l) Sukan berkanu atau rakit redah jeram dengan pengajar yang bertauliah dan sehingga Tahap 3 (Kesukaran Sungai Skala Antarabangsa)
m) Aktiviti dalam air yang melibatkan alat pernafasan tiruan untuk menyelam sehingga kedalaman maksimum 30 meter dengan pengajar yang bertauliah dan mempunyai sijil yang diiktiraf.

*Nota: Dengan syarat aktiviti-aktiviti di atas dilakukan sebagai **amatur** dan untuk **tujuan masa lapang** dengan pengendali berlesen semasa anda mengembara.*

## Sumbangan

| Pelan | INDIVIDU (RM) | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Dewasa (18 sehingga 70 tahun) | | | | | | | | | |
| | Domestik | Antarabangsa | | | | | | | | |
| Jumlah Bil. Hari | | Perak | | | Emas | | | Platinum | | |
| | Kawasan 1 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 |
| 1 - 5 | 14.70 | 21.40 | 28.55 | 38.55 | 34.90 | 46.55 | 62.80 | 46.15 | 61.55 | 83.10 |
| 6 - 10 | 22.20 | 31.65 | 42.20 | 57.00 | 51.60 | 68.80 | 92.90 | 68.25 | 91.00 | 122.90 |
| 11 - 18 | 31.70 | 50.00 | 66.65 | 90.00 | 81.55 | 108.70 | 146.75 | 107.85 | 143.75 | 194.10 |
| 19 - 30 | 36.75 | 58.45 | 77.95 | 105.20 | 95.30 | 127.10 | 171.55 | 126.05 | 168.10 | 226.90 |
| Setiap Minggu Tambahan | Tidak Dilindungi | 15.65 | 20.85 | 28.15 | 25.50 | 34.00 | 45.90 | 33.75 | 45.00 | 60.75 |
| Tahunan | Tidak Dilindungi | 163.05 | 198.40 | 236.45 | 265.80 | 323.45 | 385.55 | 351.55 | 427.80 | 509.95 |
| Aktiviti Sukan Berbahaya | Tidak Dilindungi | 18.60 | 18.60 | 18.60 | 55.75 | 55.75 | 55.75 | 92.90 | 92.90 | 92.90 |

| Pelan | INDIVIDU (RM) | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Warga Emas (71 sehingga 80 tahun) | | | | | | | | | |
| | Domestik | Antarabangsa | | | | | | | | |
| Jumlah Bil. Hari | | Perak | | | Emas | | | Platinum | | |
| | Kawasan 1 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 |
| 1 - 5 | 47.75 | 69.60 | 92.80 | 125.20 | 113.40 | 151.20 | 204.20 | 150.00 | 200.00 | 270.00 |
| 6 - 10 | 72.15 | 102.90 | 137.20 | 185.20 | 167.70 | 223.70 | 301.90 | 221.90 | 295.80 | 399.40 |
| 11 - 18 | 103.05 | 162.50 | 216.70 | 292.50 | 265.00 | 353.30 | 476.90 | 350.40 | 467.30 | 630.80 |
| 19 - 30 | 119.45 | 190.00 | 253.30 | 342.00 | 309.80 | 413.00 | 557.60 | 409.70 | 546.30 | 737.50 |
| Setiap Minggu Tambahan | Tidak Dilindungi | 50.90 | 67.80 | 91.50 | 82.90 | 110.60 | 149.30 | 109.70 | 146.20 | 197.40 |
| Tahunan | Tidak Dilindungi | 529.80 | 644.70 | 768.50 | 863.90 | 1,051.20 | 1,253.00 | 1,142.60 | 1,390.40 | 1,657.30 |
| Aktiviti Sukan Berbahaya | Tidak Dilindungi | | | | | | | | | |

Kawasan 1: Malaysia; Kawasan 2: Negara Asia; Kawasan 3: Seluruh dunia kecuali Nepal, Amerika Syarikat (AS) dan Kanada; Kawasan 4: Seluruh dunia termasuk Nepal, Amerika Syarikat (AS) dan Kanada

Nota: Semua sumbangan (jika berkenaan) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa Cukai Malaysia. Tambahan RM10 duti setem akan dikenakan untuk setiap sijil.

| Pelan | INDIVIDU & PASANGAN (RM) | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Dewasa (18 sehingga 70 tahun) | | | | | | | | | |
| | Domestik | Antarabangsa | | | | | | | | |
| Jumlah Bil. Hari | | Perak | | | Emas | | | Platinum | | |
| | Kawasan 1 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 |
| 1 - 5 | 28.10 | 40.90 | 54.50 | 73.60 | 66.65 | 88.85 | 120.00 | 88.15 | 117.55 | 158.70 |
| 6 - 10 | 42.40 | 60.45 | 80.60 | 108.85 | 98.60 | 131.45 | 177.45 | 130.40 | 173.85 | 234.70 |
| 11 - 18 | 60.55 | 95.50 | 127.35 | 171.90 | 155.70 | 207.60 | 280.30 | 205.95 | 274.60 | 370.70 |
| 19 - 30 | 70.20 | 111.65 | 148.85 | 200.95 | 182.05 | 242.70 | 327.65 | 240.80 | 321.05 | 433.40 |
| Setiap Minggu Tambahan | Tidak Dilindungi | 29.90 | 39.85 | 53.80 | 48.75 | 64.95 | 87.70 | 64.45 | 85.95 | 116.00 |
| Tahunan | Tidak Dilindungi | 311.40 | 378.90 | 451.65 | 507.70 | 617.80 | 736.40 | 671.50 | 817.10 | 974.00 |
| Aktiviti Sukan Berbahaya | Tidak Dilindungi | 35.50 | 35.50 | 35.50 | 106.50 | 106.50 | 106.50 | 177.45 | 177.45 | 177.45 |

| Pelan | KELUARGA (RM) | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Dewasa (18 sehingga 70 tahun) dan anak-anak | | | | | | | | | |
| | Domestik | Antarabangsa | | | | | | | | |
| Jumlah Bil. Hari | | Perak | | | Emas | | | Platinum | | |
| | Kawasan 1 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 | Kawasan 2 | Kawasan 3 | Kawasan 4 |
| 1 - 5 | 35.25 | 52.55 | 70.10 | 94.60 | 87.30 | 116.40 | 157.10 | 116.30 | 155.05 | 209.35 |
| 6 - 10 | 53.20 | 75.30 | 100.45 | 135.60 | 125.10 | 166.80 | 225.20 | 166.65 | 222.25 | 300.00 |
| 11 - 18 | 76.00 | 119.50 | 159.35 | 215.10 | 198.50 | 264.65 | 357.30 | 264.45 | 352.65 | 476.05 |
| 19 - 30 | 88.10 | 150.20 | 200.25 | 270.35 | 249.45 | 332.60 | 449.00 | 332.35 | 443.15 | 598.25 |
| Setiap Minggu Tambahan | Tidak Dilindungi | 38.75 | 51.70 | 69.80 | 64.40 | 85.85 | 115.90 | 85.80 | 114.40 | 154.45 |
| Tahunan | Tidak Dilindungi | 387.90 | 472.00 | 562.65 | 644.25 | 783.95 | 934.50 | 858.35 | 1,044.50 | 1,245.05 |
| Aktiviti Sukan Berbahaya | Tidak Dilindungi | 46.45 | 46.45 | 46.45 | 139.35 | 139.35 | 139.35 | 232.30 | 232.30 | 232.30 |

| | |
|---|---|
| **Negara-negara Asia** | Bangladesh, Bhutan, Brunei, Cambodia, China, Filipina, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Laos, Macau, Maldives, Myanmar, Pakistan, Sikkim, Singapura, Korea Selatan, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Timor Leste dan Vietnam |

## Soalan Lazim

### 1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan manfaat sekiranya berlaku kejadian tertentu kepada orang dilindungi ketika dalam perjalanan domestik atau antarabangsa, untuk tujuan perniagaan atau bersantai. Manfaat-manfaat ini termasuk kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan, perbelanjaan perubatan disebabkan kemalangan atau penyakit, pelbagai kesulitan, kehilangan atau kerosakan bagasi dan/atau barangan peribadi, liabiliti peribadi, perkhidmatan kecemasan dan perlindungan bagi aktiviti pengembaraan.

### 2. Bolehkah saya menyertai TripCare 360 Takaful untuk keluarga saya?

Ya, anda boleh menyertai Pelan Keluarga TripCare 360 Takaful untuk keluarga anda, merujuk kepada pasangan dan anak-anak yang layak mengembara bersama-sama.

### 3. Bilakah perlindungan bermula dan tamat untuk setiap perjalanan?

(i) **Domestik (Kawasan 1)**

Perjalanan bermula dari tarikh Takaful berkuatkuasa pada jam 12:01 pagi waktu Malaysia dan tamat padamana-mana yang berikut yang
berlaku terlebih dahulu:

a) Sejurus tiba di tempat tinggal anda di Malaysia; atau
b) Tamat tempoh Takaful pada jam 23:59 malam waktu Malaysia, pada tarikh yang dinyatakan dalam sijil.

(ii) **Antarabangsa (Kawasan 2, 3 atau 4)**

Perjalanan bermula 6 jam sebelum waktu berlepas yang telah ditempah untuk perjalanan langsung ke tempat berlepas di Malaysia, dan tamat pada mana-mana keadaan berikut yang berlaku terlebih dahulu:

a) 6 jam selepas masa ketibaan yang telah ditempah di destinasi terakhir di Malaysia;
b) Sejurus tiba di tempat tinggal anda di Malaysia; atau
c) Tamat tempoh Takaful yang dinyatakan dalam sijil.

### 4. Apakah tempoh maksimum untuk perjalanan tunggal dan perjalanan tahunan?

Tempoh di bawah "Satu Perjalanan" tidak boleh melebihi:

a) 30 hari berturut-turut untuk perjalanan di dalam Malaysia; atau
b) 90 hari berturut-turut untuk perjalanan ke dan dalam kawasan perjalanan selain daripada Malaysia dari tarikh permulaan perjalanan tersebut.

Nota: Perjalanan sehala adalah tidak dibenarkan.

### 5. Apakah cara pembayaran?

Anda boleh memilih untuk membayar tunai, cek atau dengan kad kredit.

Nota: Cek adalah tertakluk kepada cek mesti disahkan sebelum Tarikh Berkuatkuasa Sijil.

### 6. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

a) Fi wakalah sehingga 45% daripada jumlah sumbangan akan dibayar, yang termasuk 25% komisen dibayar kepada ejen Takaful dan sehingga 20% perbelanjaan pengurusan dibayar kepada Pengendali Takaful.
b) Duti Setem – RM10 (caj tambahan pada Sumbangan).

## 7. Bagaimanakah saya boleh menyertai TripCare 360 Takaful?

Anda boleh menghubungi Etiqa di talian **1300 13 8888** untuk membuat temujanji dengan ejen Etiqa kami atau kunjungi cawangan Etiqa terdekat di kawasan anda.

## 8. Bagaimanakah untuk membuat tuntutan?

Semua tuntutan mesti dimaklumkan kepada kami secepat mungkin iaitu dalam tempoh 24 jam tetapi tidak lewat daripada 30 hari selepas kehilangan atau kerosakan. Anda boleh mengemukakan tuntutan anda secara dalam talian di www.etiqa.com.my atau melalui e-mel ke travelclaimscare@etiqa.com.my, atau WhatsApp kami di talian + 6019-6507931. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut mengenai Notis, Prosedur dan Penyelesaian Tuntutan.

## 9. Bagaimanakah saya boleh membatalkan Sijil saya?

a) Pelan Lawatan Tunggal:
   Anda boleh membatalkan Sijil anda pada bila-bila masa dengan memberi notis rasmi secara bertulis sebelum permulaan perjalanan. Bayaran balik sepenuhnya akan dibuat.
b) Pelan Lawatan Tahunan:
   Anda boleh membatalkan Sijil anda pada bila-bila masa dengan memberi notis rasmi secara bertulis. Anda layak mendapat bayaran balik bahagian Sumbangan yang berkenaan.

Nota: Tertakluk kepada tiada tuntutan bayaran dibuat sepanjang tempoh Takaful.

## 10. Adakah terdapat apa-apa caj bagi Perkhidmatan Bantuan Perjalanan dan Perubatan yang perlu saya bayar?

Caj Perkhidmatan Bantuan Perjalanan dan Perubatan sudah termasuk sebagai sebahagian daripada Sumbangan. Walau bagaimanapun, bagi apa-apa perkhidmatan/caj lain yang tiada di dalam skop yang dinyatakan di dalam Sijil, anda perlu menanggung kos caj dan mereka akan memaklumkan anda mengenai caj dan jumlah sebelum pembayaran dibuat.

## 11. Apakah pengecualian utama di bawah Sijil ini?

**Pengecualian Am**

a) Keadaan sedia ada;
b) Kecederaan yang disengajakan, cubaan membunuh diri, gangguan mental;
c) Komplikasi kehamilan, penyakit kelamin, HIV, alkohol atau dadah;
d) Perjalanan udara selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang biasa berjadual atau pesawat berlesen yang disewa;
e) Terlibat dalam sukan, pekerjaan, atau aktiviti yang berbahaya kecuali aktiviti-aktiviti tersebut telah di lindungi di bawah aktiviti berbahaya (manfaat pilihan) yang telah anda beli;
f) Peperangan, rusuhan, atau negara-negara atau kawasan-kawasan dengan konflik besar-besaran, atau kuarantin bagi penyakit berjangkit, termasuk Afghanistan, Afrika (selain daripada Afrika Selatan, Botswana, Kenya, Lesotho, Madagascar, Malawi, Mauritius, Mozambique, Namibia, Seychelles, Swaziland, Tanzania, Zambia dan Zimbabwe), Iraq, Iran, Korea Utara, Palestin, Syria atau Ukraine;
g) Penyertaan dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti serangan yang diprovokasi; dan
h) Tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa kerajaan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian.

# Nota Penting

## 1. Konsep Shariah

**Wakalah**
Produk ini menggunapakai konsep Wakalah, di mana para peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am. Sebagai ejen, Pengendali Takaful berhak menerima Fi Wakalah sebagai caj perkhidmatan. Fi Wakalah adalah seperti berikut:

| Butir-butir | (% daripada Sumbangan) |
|---|---|
| • Komisen dibayar kepada ejen Takaful<br>• Perbelanjaan pengurusan | 25%<br>Sehingga 20% |
| **Jumlah Fi Wakalah** | Sehingga 45% |

**Tabarru'**
Pelan ini juga menggunapakai konsep Tabarru', di mana para peserta bersetuju untuk membayar sumbangan mereka kepada Dana Takaful Am bagi tujuan saling membantu dan menolong mana-mana peserta lain yang memerlukan bantuan. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan dalam Dana Takaful Am, tolak pembayaran balik defisit bersejarah dan peruntukan luar jangka, diagih 50% di kalangan peserta dan 50% kepada kami sebagai fi prestasi. Jika lebihan itu kurang daripada RM10.00, lebihan itu akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai 'amal jariah' bagi pihak Peserta.

Nota: Untuk maklumat lanjut mengenai Konsep Shariah, sila rujuk Sijil Takaful.

2. Risalah ini bertujuan untuk rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai kontrak.

3. Etiqa General Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

4. Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta seperti keadaan kesihatan dan umur anda yang tepat. Sila ambil perhatian bahawa anda bertanggungjawab untuk tidak memberi salah nyataan ketika menjawab soalan-soalan dan membuat pendedahan fakta.

5. Sumbangan hendaklah dibayar dengan penuh dan diterima oleh kami sebelum tarikh Takaful berkuatkuasa atau pembaharuan Sijil. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka Sijil tidak akan berkuatkuasa serta menjadi tidak sah.

6. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Takaful kemalangan diri, sila rujuk kepada buku panduan *infoinsurans* yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web **www.insuranceinfo.com.my.**

7. Sila pastikan anda membawa bersama Sijil Takaful atau Sijil Perlindungan semasa perjalanan.

8. Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas mengenai produk ini. Untuk maklumat terperinci mengenai manfaat, pengecualian serta terma-terma dan syarat-syarat, sila rujuk kepada Sijil Takaful.

gi
ak

ar
na
m
di
o,
gi

al

t.
ab

ul
sa

la
eb

ci

08/18/TC360 Takaful

**Etiqa Oneline 1300 13 8888**
**www.etiqa.com.my**

www.facebook.com/etiqa

**Etiqa General Takaful Berhad** (1239197-A)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)
Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
**T** +603 2297 3888 **F** +603 2297 3800